

**Usul yang dibincangkan dan dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat  
Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil. 3 Tahun 2022  
bertarikh 2 November 2022.**

<b>BIL.</b>	<b>USUL PEKERJA</b>	<b>PUNCA MASALAH</b>	<b>CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>KEPUTUSAN/SYOR</b>
1.	Pembaikan / penyelenggaraan fasiliti asas di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang	<p>Masalah pada fasiliti asas seperti tandas yang telah lama tidak diperbaiki terutamanya di Blok Utara yang menimbulkan ketidak-selesaian kepada kakitangan dan pelawat.</p> <p>Terdapat sesetengah tandas yang langsung tidak mempunyai sistem flush dan langsung tidak boleh digunakan serta notis "Sedang Diselenggara" memakan masa berbulan-bulan untuk dibaiki.</p>	<p>Selesaikan segera untuk kemudahan kakitangan dan pelawat. ianya adalah perkara asas.</p> <p>Perkara asas yang perlu diberi perhatian.</p>	<p>Wakil pihak Pengurusan BHEUU memaklumkan usul ini dalam perhatian dan tindakan pihak Pengurusan BHEUU.</p> <p>Pihak Pekerja akan membuat tindakan susulan untuk memastikan perkara ini diselesaikan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini tidak dibawa ke Mesyuarat MBJ kerana sedang dalam tindakan pihak pengurusan BHEUU.</p>
2.	Parkir untuk kakitangan dan kaedah menghadkan akses parking kepada orang luar selain warga kerja MDI/JBG dan BHEUU.	Kekurangan parkir dan kaedah menghadkan akses parking kepada orang luar selain warga kerja MDI/JBG dan BHEUU.	<i>Boom gate</i> akses untuk pemegang kad bangunan, fungsi untuk akses ke Basemen B2 dan seterusnya. Akses kad sedia ada yang melalui <i>boom gate</i> tersebut tidak merekod kehadiran.	<p>Wakil pihak Pengurusan memaklumkan pemasangan <i>Boom Gate</i> dalam perancangan dan tindakan pihak pengurusan BHEUU yang dijangka akan selesai pada hujung tahun ini.</p> <p>Mesyuarat bersetuju usul ini tidak dibawa ke Mesyuarat MBJ.</p>
3.	Parking B3	Didapati terdapat parking terbuka B3 juga telah direserve untuk staff	Sekiranya, staff BHEUU tersebut berhak untuk mendapat parking, sila pastikan parking	Suatu perbincangan dalaman akan diadakan di kalangan pihak pekerja sama ada terdapat keperluan untuk parkir

**Usul yang dibincangkan dan dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat  
Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil. 3 Tahun 2022  
bertarikh 2 November 2022.**

<b>BIL.</b>	<b>USUL PEKERJA</b>	<b>PUNCA MASALAH</b>	<b>CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>KEPUTUSAN/SYOR</b>
		BHEUU. Tidak dipastikan jawatan mereka dan kenapa mereka diberi hak untuk reserve parking di B3.	tersebut di tingkat B2 atau B1.	khas kepada pegawai-pegawai, kerana parkir khas yang diberikan telah menyebabkan kekurangan ruangan parkir bagi kakitangan yang lain.  Mesyuarat bersetuju usul ni tidak dibawa ke Mesyuarat MBJ.
4.	Parking	Terdapat kenderaan yang tidak bergerak di parking B3. Staf menghadapi kesukaran untuk parking kereta.  Keutamaan perlu diberikan kepada staff yang hadir bekerja dan bukannya menggunakan parking sebagai tempat letak kenderaan macam di rumah sendiri.	Mengenalpasti kenderaan tersebut dan pastikan kenderaan tersebut tidak diletakkan di parking pejabat sebagai tukun.	Mencadangkan suatu pemantauan yang kerap oleh Polis Bantuan untuk memastikan semua kenderaan yang diparking adalah staf BHEUU, JBG dan Mdl sahaja.  Mesyuarat bersetuju usul ni tidak dibawa ke Mesyuarat MBJ.
5.	Perjawatan PPUU sebagai perjawatan terbuka.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesukaran untuk kenaikan pangkat (<i>career development</i>).</li> <li>• Gaji langgar tembok.</li> <li>• Kesukaran untuk mendapatkan penempatan yang sesuai</li> </ul>	Menukar perjawatan PPUU yang tertutup kepada terbuka.	Mesyuarat bersetuju usul ini di KIV sehingga JPA membuat keputusan berhubung kertas kerja skim bersepadu yang dibawa oleh Kesatuan PPUU Semenanjung Malaysia.  Mesyuarat bersetuju usul ni tidak dibawa ke Mesyuarat MBJ.

**Usul yang dibincangkan dan dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat  
Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil. 3 Tahun 2022  
bertarikh 2 November 2022.**

<b>BIL.</b>	<b>USUL PEKERJA</b>	<b>PUNCA MASALAH</b>	<b>CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>KEPUTUSAN/SYOR</b>
		yang menyebabkan berjauhan dengan keluarga dan peningkatan kos kehidupan.		
6.	Cadangan untuk menyediakan Daycare / Transit untuk Kakitangan yang mempunyai anak-anak kecil / sekolah rendah	Didapati ada masanya kakitangan yang mempunyai anak-anak terpaksa membawa anak ke pejabat kerana tiada daycare / transit	penyediaan daycare/ transit jika ada ruang dan kemampuan kewangan untuk menyediakannya.  (Berdasarkan pemerhatian sahaja - sebab saya sendiri tiada anak)	Wakil pihak Pengurusan BHEUU memaklumkan bangunan BHEUU tidak sesuai untuk menyediakan satu ruangan bagi tujuan daycare atau transit bagi anak-anak pegawai.  Mesyuarat bersetuju usul ni tidak dibawa ke Mesyuarat MBJ.
7.	Terdapat pegawai tidak mematuhi arahan kehadiran berkursus secara bersemuka dan kursus secara dalam talian iaitu EPSA	Seperti mana sedia maklum, semua pegawai dan kakitangan wajib menghadiri sekurang-kurangnya tiga hari kursus bersemuka dan melaksanakan kursus secara dalam talian atau EPSA sekurang-kurangnya satu tajuk. Walau bagaimanapun, didapati masih terdapat pegawai yang tidak mematuhi arahan ini dan masih ada yang tidak pernah menghadiri sebarang kursus berkenaan	Dicadangkan agar semua Ketua Seksyen/Unit atau penyelia masing-masing untuk memastikan semua pegawai menghadiri kursus seperti yang ditetapkan.	Wakil Pengurusan BHEUU, JBG dan Mdl bersetuju usul ini diselesaikan di peringkat Jabatan masing-masing. Peringatan kepada pegawai untuk memastikan tempoh kursus telah lengkap sebagaimana kehendak Jabatan.  Mesyuarat bersetuju usul ni tidak dibawa ke Mesyuarat MBJ.

**Usul yang dibincangkan dan dipersetujui untuk diselesaikan di peringkat  
Jabatan masing-masing semasa Mesyuarat Pra MBJ Bil. 3 Tahun 2022  
bertarikh 2 November 2022.**

<b>BIL.</b>	<b>USUL PEKERJA</b>	<b>PUNCA MASALAH</b>	<b>CADANGAN PENYELESAIAN</b>	<b>KEPUTUSAN/SYOR</b>
		<p>sehingga November 2022. Terdapat kemungkinan mematuhi arahan ini akan menjejaskan KPI di Jabatan masing-masing.</p> <p>Berdasarkan kepada Status Kehadiran Berkursus Bagi Pegawai BHEUU sehingga 1 November 2022, masih terdapat seramai 18 pegawai (10%) yang masih belum menghadiri sebarang kursus bersemuka manakala seramai 99 pegawai (56%) yang direkodkan telah melaksanakan kursus EPSA.</p>		